

Media Permata

Sejak 1995

Jilid: MP25/299 • Rabu, 14 Jun 2023 / 25 Zulkaedah 1444H • B\$1.50 • Harian Unggul Brunei Darussalam

WAKTU SOLAT IMSAK 4:33AM • SUBUH 4:43AM • SYURUK 6:08AM • DOHA 6:32AM • ZOHOR 12:21PM • ASAR 3:47PM • MAGHRIB 6:32PM • ISYAK 7:48PM • TAMBAH 3 MINIT BAGI BELAIT DAN 1 MINIT BAGI TUTONG

Oleh Daniel Lim

BELAIT, 13 JUN – Dalam usaha membantu 15 saudara baharu yang menetap di Rumah Panjang Melayan di kawasan pedalaman Daerah Belait, Mukim Bukit Sawat, Pejabat Unit Dakwah Belait dengan kerjasama Bahagian Pengembangan Dakwah telah menganjurkan Majlis Bergotong-royong dan Bimbingan Bergerak pada pagi tadi.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Pemangku Ketua Pegawai Agama Kanan, Pusat Dakwah Islamiah (PDI), Awang Ruslan bin Haji Sulaiman.

Turut hadir ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Penghulu Mukim Bukit Sawat, Yang Berhormat Haji Mohd Salleh bin Haji Othman; Ketua Pegawai Agama, Pejabat Hal Ehwal Agama Belait, Awang Mohamad Aliyani bin Ismail; Pemangku Ketua Bahagian Pengembangan Dakwah,



Kelas bimbingan bergerak diadakan semasa lawatan ke Rumah Panjang Melayan.

Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidup dan Pemangku Ketua Unit Dakwah Belait, Dayang Nurhuwaina binti Mamud serta pegawai dan kakitangan PDI dan Pejabat Unit Dakwah Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa dipimpin oleh pelajar

Latihan Industri dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Muhammad Nizam Hazwan bin Muhammad Saidi Nazmi.

Dalam ucapan alu-aluan, Awang Ruslan berkata mualaf yang menetap di kawasan pedalaman Belait tidak mempunyai banyak peluang

Majlis gotong-royong bantu mualaf

untuk memperoleh pengetahuan baharu dalam agama Islam.

“Sementara Kursus Bimbingan Asas dan Lanjutan sering diadakan di PDI di seluruh negara, mualaf yang tinggal di kawasan pedalaman seperti Rumah Panjang Melayan mungkin tidak mempunyai masa untuk mengunjungi pusat berkenaan.

“Bimbingan bergerak ini memberikan peluang untuk menjalin hubungan lebih erat antara mualaf dan Unit Dakwah dan Bahagian Pengembangan Dakwah.

Beliau berharap kempen seumpama ini akan diteruskan pada masa depan, sementara menggesa mualaf supaya terus mempelajari untuk menambah lagi pengetahuan tentang ajaran Islam.

Acara kemudian diteruskan dengan aktiviti gotong-royong di dalam rumah panjang. Aktiviti lain termasuk sesi kuiz dipimpin pelajar-pelajar Latihan Industri

UNISSA dan berakhir dengan penyerahan sumbangan berupa beras yang disampaikan oleh ketua rombongan.

Di samping aktiviti gotong-royong, penghuni Rumah Panjang Melayan juga diberi bimbingan Islam oleh tenaga pengajar dari Pejabat Unit Dakwah Belait.



Aktiviti gotong-royong di Rumah Panjang Melayan semasa lawatan semalam.